



## DILEMA MORAL MAHASISWA DALAM MENGHADAPI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SEMASA PANDEMIK COVID-19: SATU KAJIAN KES

### [STUDENT MORAL DILEMMA IN FACING MOVEMENT CONTROL ORDERS (MCO) DURING COVID-19: A CASE STUDY]

SITI KHAIREENA ULAS<sup>1</sup> & ABU ZARRIN SELAMAT<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA  
Correspondent Email: zarrin@fsk.upsi.edu.my

*Received: 19 December 2020*

*Accepted: 29 Januari 2021*

*Published: 15 Febuari 2021*

**Abstrak:** Dalam kenyataan rasmi dilaman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia, Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Pihak kerajaan telah mengambil langkah bagi membendung masalah ini dengan mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia selama beberapa peringkat. Terdapat banyak sektor yang telah ditutup sementara dan peraturan baharu yang telah diwujudkan demi merealisasikan matlamat utama iaitu mencegah Covid-19 daripada merebak. Oleh itu perkara tersebut telah mendatangkan banyak dilema kepada pelbagai pihak khususnya golongan mahasiswa. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat dilema yang dihadapi oleh mahasiswa/i UPSI. Selain itu, kajian ini juga akan melihat perbezaan dilema di antara pelajar kolej dan pelajar luar kolej. Kajian ini juga melihat keperibadian mahasiswa/i dalam bertingkah laku apabila berhadapan situasi dilema. Data kajian dikutip melalui temu bual yang dilakukan kepada responden. Seterusnya, data akan dipersembahkan dalam penerangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dilema yang dihadapi adalah terbahagi kepada tiga iaitu perasaan ingin balik ke kampung halaman, makanan dan keperluan diri. Akhir sekali, data menunjukkan persamaan dilema antara mahasiswa kolej dan luar kolej tetapi dalam bentuk yang berbeza seperti dilema dalam balik ke kampung halaman. Bagi pelajar kolej, mereka perlu melalui banyak prosedur yang menyukarkan dan terikat dengan peraturan kolej. Manakala, pelajar luar kolej, lebih mudah prosedur balik ke kampung tetapi dilema mereka adalah sekiranya dijangkiti covid19 sepanjang perjalanan balik ke kampung dan masalah kewangan. Dari segi keperibadian mahasiswa/i, mereka lebih mempertimbangkan jalan tengah dalam teori Aristotle dengan cara mengikuti peraturan yang telah ditetapkan. Kajian ini dapat membantu para pembaca untuk mengetahui dilema-dilema sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik Covid-19.

**Kata kunci:** Dilema moral, mahasiswa, PKP, Covid-19.

**Abstract:** In an official statement on the website of the Ministry of Health Malaysia, Coronavirus (CoV) is a virus that cause respiratory tract infections. The government has taken steps to curb this problem by holding Movement Control Orders (MCO) throughout Malaysia for several stages. There are many sectors that have been temporarily closed and new rules have been created to realized the main goal of preventing Covid-19 from spreading. Therefore, the matter has caused many dilemmas to various parties, especially students. The purpose of this study is to look at the dilemma face by UPSI students. In addition, this study will also look at the dilemma differences between college students and out-of-college students. This study also looks at the personality of students in behavior when faced with a dilemma. Study data were collected through interviews conducted with respondents. Next, the data will

be presented in the description. The findings of the study show that the dilemma faced is divided into three, namely the feeling of wanting to return to the hometown, food and personal needs. Finally, the data shows the similarity of the dilemma between college students and outside of college but in the different from like the dilemma back to hometown. For college students, they have to go through a lot of procedures that are difficult and tied to college rules. Meanwhile, students outside of college, the procedures are easier to return to the village but their dilemma is if Covid-19 is infected during the trip back to hometown and also financial problems. In terms of student personality, they are more concerned with the middle ground in Aristotle theory by following the rules that have been set. This study can help readers to understand the dilemmas throughout the Movement Control Order (MCO) during the Covid-19 pandemic.

**Keywords:** Moral dilemma, student, MCO, Covid-19.

**Cite This Article:**

Siti Khairreena Ulas & Abu Zarrin Selamat. 2021. Dilema moral mahasiswa dalam menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Semasa Pandemik Covid-19: Satu kajian kes [Student moral dilemma in facing Movement Control Orders (Mco) during Covid-19: A case study]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 92-100.

## PENGENALAN

Dilema moral adalah suatu keadaan apabila individu atau sekumpulan masyarakat menghadapi satu situasi berkonflik di mana terdapat beberapa pilihan dalam membuat sesuatu keputusan moral. Selalunya, satu dilema moral mengandungi satu isu, dan beberapa watak tertentu di mana seseorang itu terpaksa membuat sesuatu keputusan. Dilema moral boleh dibahagi kepada dua yang utama iaitu dilema jenis hipotetikal (situasi berkonflik yang dicipta/direka) dan dilema jenis kehidupan sebenar (situasi moral yang benar-benar berlaku dalam kehidupan seseorang individu).

Kohlberg (1984) membuat andaian bahawa manusia memproses semua maklumat dalam dilema moral melalui struktur kognitif yang membawa mereka ke peringkat perkembangan moral mereka. Dalam teorinya, Kohlberg (1975) mengakui bahawa pendidikan moral mempunyai asas dalam merangsang pemikiran aktif seseorang ketika ia membuat keputusan terhadap isu-isu sosial. Teknik yang digunakan Kohlberg dalam pendekatan ini ialah menggunakan cerita-cerita yang mengandungi dilema moral. Dilema-dilema moral yang dikemukakan oleh Kohlberg ialah dilema- dilema hipotetikal yang membincangkan isu-isu moral yang berbeza dan melibatkan nilai-nilai yang tertentu yang berkonflik seperti undang-undang, peraturan sosial, dan perintah autoriti. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan membuat kajian mengenai dilema moral mahasiswa UPSI dalam menghadapi perintah kawalan pergerakan mengenai isu terbaru iaitu Novel Coronavirus atau lebih dikenali sebagai Covid-19.

Dalam kenyataan rasmi laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia, Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrome-Related Coronavirus* (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah *Novel Coronavirus 2019* (COVID-19). Jangkitan coronavirus menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk. Tambahan juga, Covid-19 ini berpotensi menyebabkan penyakit yang

teruk dan kematian terutamanya dalam kalangan orang tua dan orang yang mempunyai masalah kesihatan atau sistem imun yang rendah.

Melalui daripada krisis coronavirus (COVID-19) yang telah dihadapi oleh seluruh negara Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikan covid-19 sebagai penularan wabak pandemik. Sehubungan dengan peningkatan wabak covid-19 yang melanda Malaysia, kerajaan telah memandang serius situasi semasa mengenai ancaman virus berbahaya ini terutama pada gelombang kedua dan tindakan drastik perlu diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin. Keutamaan kerajaan pada masa ini adalah untuk mencegah penularan baharu wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat Malaysia.

Menerusi perutusan khas Perdana Menteri Malaysia mengenai covid-19 pada 16 Mac 2020, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara. Bagaimana pun, tempoh kawalan pergerakan telah ditambah sehingga 4 fasa, yang mana berakhir pada 12 Mei 2020. Menurut ucapan beliau lagi, perintah ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Oleh hal yang demikian berdasarkan daripada pemerhatian pengkaji terutama di media sosial, pelajar-pelajar yang terkandas di kolej masing-masing mempunyai dilema moral yang begitu ketara semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

Justeru, pihak kerajaan telah mengambil langkah bagi membendung masalah ini dengan mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia selama beberapa peringkat. Terdapat banyak sektor yang telah ditutup sementara dan peraturan baharu yang telah diwujudkan demi merealisasikan matlamat utama iaitu mencegah Covid-19 dari terus merebak. Hal ini termasuklah penutupan institusi-institusi pendidikan yang mengakibatkan para pelajar mahupun tenaga pengajar menghadapi dilema.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini, pertama mengenal pasti dilema yang dihadapi oleh mahasiswa UPSI sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kedua, membanding beza dilema yang dihadapi oleh mahasiswa yang tinggal dalam kampus dan mahasiswa di kediaman luar kampus. Ketiga, mengkaji keupayaan kognitif mahasiswa dalam menaakul sesuatu dilema dalam melakukan tindakan bermoral.

## **SOROTAN LITERATUR**

Isu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpunca daripada Coronavirus (Covid-19) merupakan isu yang masih baharu, oleh hal demikian pengkaji sukar menemukan kajian lepas yang dapat dijadikan sebagai rujukan. Walaubagaimanapun pengkaji akan menggunakan teori keperibadian mulia bagi melihat keupayaan kognitif mahasiswa UPSI menaakul sesuatu dilema moral.

Pada bahagian ini pengkaji banyak menerangkan data-data dan kenyataan-kenyataan rasmi tentang PKP dan Covid-19 yang dapat menyokong kajian. Sumber- sumber tersebut adalah daripada laman sesawang rasmi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), laman sesawang dan telegram rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) , laman sesawang dan telegram

rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Sidang Media daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Perdana Menteri Malaysia.

Coronavirus ini merupakan virus berjangkit yang mampu merebak daripada manusia kepada manusia lain melalui cara titisan pernafasan apabila seseorang individu yang telah dijangkiti bersin atau batuk. Hal ini demikian kerana percikan partikel boleh tersebar sejauh 1 meter ketika batuk atau bersin (MyHealth, 2020). Di samping itu, seseorang individu juga akan dapat dijangkiti daripada sentuhan pada permukaan yang dicemari oleh virus. Bagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1, menerusi sidang media Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan bahawa kerajaan memutuskan untuk mengadakan PKP bermula pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Bagi sesiapa yang mengingkari arahan ini akan dikenakan kompaun RM1,000.

Perintah Kawalan Pergerakan diteruskan dengan fasa kedua iaitu bermula daripada 1 April 2020 hingga 14 April 2020 yang mana pada fasa ini PKP diperketatkan dilokalisasi penularan wabak-wabak yang naik mendadak di Zon Merah. Dalam fasa dua ini tiada pergerakan yang dibenarkan dilokalisasi yang Zon Merah. Namun demikian, pengecualian mengikut tatacara kawalan dan pengoperasian bagi 10 sektor kritikal iaitu makanan, air, tenaga, komunikasi dan internet, keselamatan dan pertahanan, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembedahan, penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, Perbankan dan Kewangan, E-dagang, serta Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu (MyHealth, 2020).

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga adalah pada 15 April 2020 hingga 28 April 2020 untuk tempoh dua minggu lagi. PKP fasa 3 juga diperketatkan dengan cara bahawa sesiapa yang masih ingkar akan terus ditahan dan dikenakan tindakan mahkamah berdasarkan seksyen 24, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dengan hukuman penjara maksimum 2 tahun dan kesalahan seterusnya lima tahun (MyHealth, 2020). Dari segi pendidikan pula, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyampaikan ucapan yang mana akan menangguhkan dahulu sesi persekolahan sehingga benar-benar yakin keadaan telah kembali pulih. Sementara itu, pelajar-pelajar perlu belajar dari rumah. Beliau juga telah minta Kementerian Pendidikan supaya melaksanakan inisiatif pembelajaran dari rumah atau *home based learning* sepanjang tempoh kawalan pergerakan ini dan mungkin untuk tempoh yang seterusnya sehinggalah sekolah dibuka.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 4 bermula pada 29 April 2020 hingga 12 Mei 2020 yang mana tempoh tersebut ditambah dua minggu lagi. Walaubagaimanapun bermula 4 Mei 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah dilaksanakan bagi memberikan sedikit kelonggaran dengan pembukaan semula sektor-sektor ekonomi tetapi secara berhati-hati dan terkawal mengikut SOP ketat KKM. Pada PKP fasa 4 ini juga telah dibenarkan keluar berdua bagi satu keluarga tetapi harus mengikut SOP yang diwajibkan oleh kerajaan. Dari segi sektor pendidikan pula, pelajar-pelajar universiti yang terkandas di kampus akan dihantar pulang ke pangkuan keluarga masing-masing secara berperingkat dan berlandaskan SOP yang telah digariskan sesuai dengan matlamat utama PKP iaitu untuk memutuskan rantai covid19 (MyHealth, 2020).

Dalam teori keperibadian mulia akan menekankan sifat peribadi seperti perangai dan ciri-ciri perwatakan untuk mencapai kehidupan yang lebih baik. Keperibadian mulia lahir atas dasar tanggungjawab individu terhadap dirinya dan orang lain. Di samping itu, peribadi mulia

merupakan nilai yang sangat berharga sekiranya dapat dilakukan dengan penuh ikhlas. Berdasarkan kepada teori keperibadian mulia, menjelaskan bahawa semua keperibadian mulia diperoleh pengajaran, pembelajaran dan latihan. Di samping itu, ciri-ciri keperibadian mulia adalah tabiat (*habits*). Namun demikian tabiat bukan wujud secara kebetulan atau ketidaklaziman, tetapi adalah satu penjelasan tentang jenis manusia dan tingkah lakunya. Seterusnya ciri-ciri lain adalah ianya sesuatu yang boleh diguna pakai (*operational*). Peribadi yang baik membolehkan kita menetap bagaimana untuk berkelakuan dan bertindak dalam cara tertentu. Keperibadian mulia adalah baik (*good*), bertentangan dengan perangai buruk atau jahat (*vices*). Justeru itu, kita boleh menjadi insan yang baik, berguna kepada masyarakat dan sempurna.

Aristotle (384-322 S.M) telah menyarankan doktrin jalan tengah untuk mencapai keperibadian mulia. Jalan tengah ini bermaksud adalah sentiasa bersikap sederhana iaitu tidak berlebihan dan tidak terlalu kurang. Teori keperibadian mulia menganggap bahawa melakukan sesuatu perkara secara berlebihan atau terlalu kurang adalah satu perbuatan yang salah, tidak betul dan jahat. Justeru itu, manusia seharusnya lebih mengambil sikap bersederhana atau jalan tengah. Sehubungan dengan itu, teori ini tidak boleh dikira melalui formula seperti matematik. Hal ini demikian kerana Aristotle berpendapat bahawa sifat mulia meliputi jalan tengah dan untuk memilihnya, seseorang haruslah melakukan pertimbangan secara berhati-hati disebabkan manusia akan bahagia jika melakukan pilihan yang rasional dalam perbuatan moralnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi berperanan menggambarkan sesuatu bentuk rangka kerja dan aturan kerja bagi penyelidikan yang akan dijalankan dan memastikan penyelidikan berlaku dan bergerak seperti yang dikehendaki oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dilema yang dihadapi mahasiswa disebabkan PKP seterusnya membanding beza dilema yang dihadapi oleh pelajar yang tinggal di kediaman dalam kampus dan pelajar di kediaman luar kampus yang mana daripada dilema tersebut dapat mengupayakan kognitif mahasiswa dalam menaakul dilema dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji telah menentukan tempat kajiannya iaitu di Universiti Pendidikan Sultan Idris namun lebih di khususkan kepada lokasi kediaman mahasiswa. Bagi kediaman dalam kampus adalah seperti Kolej Ungku Omar (KUO), Kolej Harun Aminurashid (KHAR) dan Kolej Aminuddin Baki (KAB) manakala kediaman luar kampus adalah seperti Taman Bahtera, Taman Nusa dan Taman Universiti.

Responden kajian dipilih dengan cara setiap seorang responden kajian adalah mewakili setiap kolej kediaman pelajar tidak kira di dalam kampus mahupun di luar kampus. Responden kajian pengkaji adalah terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan. Bagi melihat keberhasilan kajian, pengkaji telah menggunakan tiga instrumen dalam kajian untuk mengutip data yang tepat iaitu protokol temu bual, protokol pemerhatian dan protokol dokumen.

Pengkaji mengenal pasti mahasiswa UPSI yang akan dijadikan responden dalam kajian ini. Berdasarkan peserta yang telah dipilih, terdapat enam kolej kediaman mahasiswa dipilih merupakan tempat tinggal peserta kajian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Hal ini akan memudahkan proses pengumpulan data dilakukan oleh pengkaji. Selain daripada itu, pengkaji juga dapat memfokuskan kepada mahasiswa UPSI itu sahaja, agar dapat melakukan

pemerhatian secara tidak langsung bagi mengukuhkan lagi data yang diperoleh. Pengkaji menyediakan borang temu bual kepada peserta kajian. Borang soal temu bual tersebut akan memuatkan tiga bahagian yang mana bahagian tersebut dibahagikan melalui daripada persoalan kajian iaitu persoalan 1, persoalan 2 dan persoalan 3. Tujuan borang temu bual dibahagikan kepada tiga bahagian untuk memudahkan pengkaji melihat data yang diperoleh agar mencapai objektif kajian.

Sebelum menyediakan borang temu bual, pengkaji menjalankan pemerhatian secara tidak langsung kepada peserta kajian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dijalankan. Seterusnya, pengkaji juga menggunakan media sosial bagi membuat pemerhatian kepada peserta kajian di samping menghubungi peserta kajian menerusi aplikasi whatsapp. Justeru, pemerhatian ini membantu pengkaji untuk mendapatkan serba sedikit maklumat tentang dilema yang dihadapi semasa PKP.

## DAPATAN KAJIAN

1. Dilema yang dihadapi oleh mahasiswa UPSI sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengkaji: Bolehkah anda jelaskan mengenai antara situasi dilema yang pernah anda lalui semasa PKP?

Responden: Mahasiswa KAB “Situasi dilema yang pernah dilalui semasa PKP, pertama adalah semasa PKP dijalankan kita tidak tahu kita boleh balik atau tidak, jadi aaa.. ada pelajar yang emm.. ingin balik dengan inisiatif sendiri, ada juga pelajar yang mahu balik tetapi kena tunggu arahan daripada pihak IPT untuk dapat kebenaran pulang bagi mendapatkan tiket tambang percuma. Jadi situasi dilemanya pasal mahu balikhlah. Aaa.. dilemanya lagi aa.. pergi minimart. Sebab masa PKP tu pelajar UPSI kan yang ada balik tu terkena covid19 pelajar, aaa.. jadi saya dilema sama ada mahu pergi minimart kafe ataupun tidak perlu, *just* menunggu sumbangan daripada pihak kolej. Tapi pelajar yang positif tu Cuma dibagitahu dari UPSI seja, tiada dibagitahu dari kolej mana.”(UPSI/protob/Kader(R6)/25/7/2020)

Responden: Mahasiswi Taman Bahtera, “Antara situasi dilema yang saya pernah lalui semasa pkp adalah dilema untuk balik tetapi disebabkan faktor kewangan tak cukup. Seperti yang kita tahu tiket flight nak balik ke Sabah Sarawak sangat mahal. Jadi dia bukan sahaja faktor kewangan tau tetapi juga disebabkan kita dilema yang mana kita takut nanti waktu dalam perjalanan balik, kita tidak tahu kita terkena jangkitan covid ke, bukan sahaja kita yang kena. Mana tahu nanti orang sekeliling, family kita pun turut terkena. Kalau dilema waktu di rumah, saya rasa macam nak keluar ataupun tidak. Hahaha. Dari rumah tu nak pergi ke kedai. Yelah kedai takde lepas tu saya tak pandai bawa kereta, jadi nak beli barang tu menyebabkan saya dilema lah. Nak keluar ke tak, nak keluar ke tak. Cam mana, hah cam tu. Jadi kadang saya beli makanan dari online apps mydin dekat shoppee tapi makanan keringlah.” (UPSI/protob/Ema(R1)/25/7/2020).

Responden: Mahasiswa KHAR, “Okay kalau macam dilema PKP ni, mesti pasal balik. Masa PKP di umum tu ada housemate sudah balik, kawan –kawan pun sudah balik. Jadi saya pun sudah beli tiket, ermm.. 19 hari bulan kalau tidak silap, 18 mac tu kan PKP tapi saya sudah

beli tiket 19 mac. Tapi macam dilema mahu balik ka tidak mahu balik ka tidak, sebab masa tu belum ada keputusan lagi kan PKP covid ni akan berakhir atau ada diteruskan lagi ka tapi masa tu kerja banyak. Jadi dilema lah kalau mahu balik, internet dekat rumah tak kuat, kurang memuaskanlah. Kalau macam dekat kolej ni, jadi boleh memanfaatkanlah internet, boleh buat kerja, kalau dirumah mungkin terganggu sikit. lepas tu dilema lagi, 19 mac tak jadi balik. Jadi beli lagi tiket untuk kali kedua aaa.. jadi masa yang pertama tu tanpa pengetahuan ibubapa lah. Yang kedua dah bagitahu lah cakap macam mahu balik, beli tiket apa semua lepas tu apa aaa.. family cakap kalau mahu balik, balik. Kalau tak mahu, takpa. Jadi dilema lagi, dua minggu ja kot cuti ni, jadi tidak balik. Lepas tu, beli lagi tiket, yang kali ketiga tapi lepas tu PDRM pula buat pengumuman yang kalau mahu balik kena ambil surat apa semua. Jadi itu dilemalah, macam menyusahkan ja. Tapi dah buat semua, dah dapat kelulusan surat apa semua untuk rentas negeri kan. Lepas tu UPSI pula keluar kenyataan siapa yang dikolej tidak boleh balik, kekal berada ditempat anda. Jadi dilema tu berterusan lah, tapi lama kelamaan ambil keputusan stay lah.” (UPSI/protob/Hafiz(R5)/25/7/2020).

2. Perbezaan dilema yang dihadapi oleh pelajar yang tinggal di luar kolej dan di dalam kolej.

Berdasarkan hasil kajian yang didapati, responden telah memberikan maklumat mengenai dilema yang dihadapi dan setelah pengkaji dapat menganalisis maklumat tersebut, pengkaji telah dapat mengenal pasti bahawa dilema yang dihadapi oleh responden dalam kediaman kolej dan di luar kediaman kolej adalah sama tetapi dari skop yang berbeza. Hal ini demikian kerana, responden 3 telah menyatakan bahawa dari segi dilema makanan bagi pelajar luar kampus berkemungkinan mengalaminya tetapi tidak seperti pelajar yang tinggal dalam kampus. Hal ini demikian kerana pelajar luar kampus masih boleh keluar untuk membeli makanan di luar tetapi pelajar yang tinggal di dalam kampus tidak mempunyai pilihan kedai makanan kerana hanya satu kafe yang beroperasi.

Kenyataan ini menjadi kukuh apabila responden 5 yang mana merupakan pelajar yang tinggal dalam kolej juga turut menyatakan bahawa pelajar dalam kampus mempunyai masa yang terhad untuk membeli makanan. Seterusnya, responden 5 lagi menambah bahawa tekanan untuk pelajar dalam kampus adalah lebih tinggi kerana bulan Ramadhan yang menjelang adalah pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. Keperibadian mahasiswa dalam menaakul sesuatu dilema untuk melakukan tindakan bermoral bagi menyelesaikan dilema.

Berdasarkan daripada soalan pengkaji tentang adakah responden meneliti tentang kebaikan dan keburukan apabila membuat keputusan. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa kesemua responden sentiasa memikirkan baik dan buruk apabila membuat keputusan. Perkara ini dapat dijelaskan melalui maklumat yang diberikan oleh responden 6 yang mana responden 6 meneliti kebaikan dan keburukan daripada dilema yang dihadapinya iaitu dilema hendak keluar atau tidak. Responden 6 menaakul sekiranya dia keluar dari rumah untuk ke minimart berkemungkinan responden 6 akan terdedah dengan covid19 disebabkan terdapatnya kes positif pelajar UPSI. Namun sekiranya responden 6 tidak keluar keperluan seharian seperti makanan

sukar diperoleh. Responden 6 menaakul bahawa keburukan jika responden 6 keluar rumah untuk ke minimart adalah lebih besar berbanding jika memenuhi keperluan seharian. Justeru itu, responden 6 memilih untuk duduk di rumah sahaja dan menanti bantuan makanan daripada kolej. Jelaslah bahawa kognitif yang baik akan melahirkan tingkah laku baik.

## **PERBINCANGAN**

1. Apakah dilema-dilema yang di hadapi oleh mahasiswa UPSI sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah dapat mengenal pasti beberapa dilema yang dihadapi oleh mahasiswa UPSI sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. Antara dilema sebenar yang dapat dikenal pasti adalah dilema dari segi keinginan untuk balik kampung, makanan, kewangan dan hendak ke kedai. Dilema ini merupakan antara dilema yang secara amnya dilalui oleh setiap responden. Dilema dari segi keinginan untuk balik kampung, hanya 3 responden sahaja yang berusaha untuk balik ke kampung halaman masing-masing dengan membeli tiket. Namun, disebabkan dilema yang dihadapi tiket yang dibeli oleh responden terbatal apabila responden memerlukan prosedur yang ketat untuk balik ke kampung. Namun begitu terdapat juga responden yang membeli tiket balik tetapi merasa dilema jika ada berlaku sebarang perkara yang tidak diingini pada masa akan datang. Oleh itu, responden mengambil keputusan untuk menetap di kediamannya.

Dilema dari segi kewangan pula, memandang responden adalah pelajar. Justeru responden amat risau sekiranya terlebih belanja sewaktu PKP kerana keadaan semester yang telah dipanjangkan. Dilema yang dilalui oleh responden adalah hendak memberi barang keperluan atau berjimat. Dari segi makanan pula, responden yang tinggal di kolej memiliki masalah yang lebih berbanding dengan pelajar yang tinggal di luar kampus. Dilema dari segi hendak ke kedai, dinyatakan oleh dua orang responden yang responden tersebut mempunyai dilema kerana risau terdedah dengan bahaya Covid19. Dilema yang dirasai oleh responden ini disebabkan kes positif pelajar UPSI.

2. Sejauh manakah perbezaan dilema yang dihadapi oleh mahasiswa di kediaman dalam kampus dan mahasiswa di kediaman luar kampus.

Berdasarkan daripada hasil kajian, pengkaji dapat menganalisis kajian yang mana dilema yang dihadapi oleh responden di kediaman luar kampus dan di kediaman dalam kampus adalah sama tetapi berbeza daripada ruang lingkupnya. Perkara ini dapat dijelaskan melalui daripada dilema hendak balik ke kampung. Responden yang hendak balik ke kampung terdiri daripada pelajar luar kampus dan pelajar dalam kampus. Bagi pelajar dalam kampus, mereka beranggapan bahawa pelajar luar kampus mempunyai kelonggaran untuk keluar balik ke kampung berbanding pelajar dalam kampus. Namun demikian, dari sudut pandang yang lain. Responden pelajar luar kampus yang berkeinginan untuk pulang memiliki dilema lain iaitu dilema kewangan. Oleh itu, setiap dilema yang dihadapi oleh setiap insan adalah berbeza-beza dan bergantung kepada keadaan individu.



3. Bagaimanakah keupayaan kognitif mahasiswa UPSI dalam menaakul sesuatu dilema untuk melakukan tindakan bermoral.

Berdasarkan daripada hasil dapatan, pengkaji dapat menjelaskan bahawa keupayaan kognitif mahasiswa UPSI berada pada tahap yang baik kerana responden sentiasa mengambil kira orang sekeliling manfaat untuk orang sekeliling sebelum membuat sesuatu keputusan. Responden juga lebih mengikuti peraturan undang-undang untuk kesejahteraan bersama yang sikap ini seharusnya ditanam dalam diri setiap insan. Teori keperibadian mulia juga dapat dilihat apabila bukan pelajar moral sahaja yang bertingkah laku baik tetapi responden dari kos berbeza juga mempunyai sikap yang sama. Hal ini akan menguatkan kenyataan teori keperibadian mulia yang mana seseorang bertingkah laku baik disebabkan kebiasaan. Namun begitu terdapat juga responden yang mana pada pengkaji, responden mengambil langkah jalan tengah dengan cara memenuhi keperluan diri di samping mengikuti undang-undang. Secara kesimpulannya, kognitif yang baik akan melahirkan tingkah laku yang baik.

## KESIMPULAN

Bagi mengatasi dilema moral adalah dengan membuat penyelesaian secara menaakul sesuatu masalah dengan lebih mendalam agar keputusan yang dibuat tidak mendatangkan kesan-kesan buruk kepada diri dan masyarakat. Dilema juga adalah perkara yang sentiasa dihadapi oleh setiap insan. Justeru itu, seseorang haruslah sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu pengetahuan agar ilmu tersebut dapat diguna pakai dalam membuat keputusan apabila berhadapan dengan perkara yang tidak dijangka. Di samping itu, setiap mahasiswa perlulah sentiasa melakukan tindakan yang bijak dan berfaedah jika mengalami masalah.

## RUJUKAN

- Jabatan Perdana Menteri, (16 Mac 2020). Perutusan Khas Perdana Menteri Mengenai Covid19.
- Jabatan Perdana Menteri, (23 April 2020). Perutusan Khas Perdana Menteri.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, (1988). Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, (2020) Soalan Umum, <https://bit.ly/2Y4ncS9>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), *DSKP Pendidikan Moral Tingkatan 3*, Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kenyataan Media (18 Mac 2020), Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Pergerakan Kawalan Covid19.
- Kohlberg, L. (1975). The just community approach to corrections: A theory. *Journal of Moral Education*, 4(3), 243-260.
- Kohlberg, L. (1984). Education, moral development and faith. *Journal of Moral Education*, 4 (3), 5-16
- My health*, (2020) Majalah Edisi Khas Covid19, <https://bit.ly/3o9YBWP>
- World Health Organization*, (2019) *Situation Report Novel Coronavirus*, <https://bit.ly/2LVcMBY>